

DILEMA WARGA MENDIAMI RUMAH SEWA DI SINGAPURA

Kerja keras demi upaya beli rumah sendiri

Anak sulung sanggup kerja lebih 10 jam sehari agar keluarga tidak perlu tinggal di flat sewa lagi



BAKAL BERPINDAH KE FLAT SENDIRI: Cik Rohani dan anak-anaknya, Encik Muhammad Tarmizi Mohd Ashaari (kiri), Muhammad Adam Amirrudin (kanan) dan Encik Muhammad Ihsan (tiada dalam gambar), akan berpindah ke flat BTO di Sembawang pada 2017. - Foto JOHARI RAHMAT

25 Jan 2015

NUR DHUHA ESOOF

CIK Rohani Abd Rahim tidak bekerja sejak mendirikan rumah tangga hampir 26 tahun lalu.

Beliau menjadi suri rumah sepenuh masa, menjaga tiga anak lelaki yang kini berusia 25, 22 dan 13 tahun.

Namun, apabila rumah tangga yang dibina berakhir dengan perpisahan lima tahun lalu akibat kehadiran orang ketiga, Cik Rohani terpaksa berdikari dan mencari kerja untuk menyara kehidupan beliau dan anak-anak.

Beliau membawa anak-anak tinggal di flat sementara tiga bilik di Taman Jurong yang dikongsi bersama satu keluarga lain.

Selepas dua tahun di sana membayar sewa dan duit tong sampah \$219 sebulan, mereka sekeluarga berpindah ke rumah sewa dua bilik di Boon Lay Drive.

Di situlah mereka tinggal sehingga sekarang dengan sewa \$230 sebulan.

Namun, Cik Rohani, 49 tahun, hanya perlu menyewa rumah itu buat dua tahun lagi.

Ini kerana anak sulung Cik Rohani, Encik Muhammad Ihsan Mohd Ashaari, bersama bakal tunangnya, telah berjaya membeli flat Bina Ikut Tempahan (BTO) di kawasan Sembawang selepas mengumpul wang Tabung Simpanan Pekerja (CPF) yang diperlukan sebagai wang pendahuluan. Mereka sekeluarga akan berpindah ke rumah empat bilik itu pada 2017.

"Saya memang rancang nak beli rumah sendiri sejak menyewa rumah sementara lagi. Tapi pada waktu itu CPF saya belum mantap walaupun saya nak beli rumah tiga bilik sahaja. Gaji saya pada waktu itu cuma \$1,100 sebulan. Jadi terpaksa saya tunggu dan kerja keras untuk naikkan CPF.

"Pada masa sama, saya cuba cari kerja yang menawarkan gaji lebih baik," kata Cik Rohani, yang kini bekerja sebagai pembantu tukang masak di sebuah syarikat katering.

Beliau, seorang Penduduk Tetap (PR), menerima gaji \$1,400 sebulan.

Sebelum berpisah, Cik Rohani sekeluarga tinggal di flat empat bilik di Taman Jurong dan beliau menyokong pendapatan bekas suami dengan membuat kuih-muih pada musim perayaan.

Namun, selepas berpisah, beliau segera bangkit dengan bantuan kaunseling Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) yang menggalakkannya menyertai program Wanita Kembali Bekerja anjuran Mendaki Sense.

Di bawah program itu, beliau memilih dilengkapi kemahiran bekerja di dalam sektor makanan dan minuman (F&B).

Beliau turut menerima bantuan kewangan daripada Angkatan Karyawan Islam (AMP) untuk membiayai yuran sekolah anak keduanya di Institut Pusat Latihan dan Pendidikan Persatuan Hotel Singapura (Shatec). Anak bongsunya juga mengikuti kelas tuisyen percuma di AMP.

Beliau tidak meminta bantuan lain selain itu.

Menurut Cik Rohani, anak sulung dan keduanya kadangkala merungut terpaksa tidur di ruang tamu flat kecil mereka itu selepas membesar dalam sekitaran yang luas dengan masing-masing mempunyai bilik sendiri.

Anak bongsu beliau tidur bersamanya dalam bilik.

"Apabila tinggal di rumah sewa, kami hilang kebebasan. Dalam setahun, dua, tiga kali pegawai datang ketuk pintu malam-malam untuk periksa ada berapa orang di dalam rumah. Saya rasa macam pelarian pula," kata Cik Rohani.

Beliau berkata anak sulungnya "bekerja bermati-matian" sebagai penyelia pegawai penghantaran di Vinz Logistic demi mengumpul wang CPF yang cukup supaya mampu membeli flat BTO buat keluarga.

"Dia kerja lebih 10 jam setiap hari. Itu yang buat CPF dia naik. Dia betul-betul tak nak mak dia duduk di rumah sewa lagi," kata Cik Rohani.

Ketika dihubungi, Encik Muhammad Ihsan, yang berkelulusan Nitec dalam Latihan Kecergasan, berkata beliau membuat permohonan bagi flat itu Oktober lalu.

"Saya rasa ia tanggungjawab saya sebagai anak lelaki sulung untuk mendapatkan tempat tinggal tetap bagi keluarga. Saya sendiri tidak mahu tinggal di rumah sewa terlalu lama. Ia hanya cabaran sementara," kata Encik Muhammad Ihsan, yang merancang mendirikan rumah tangga pada 2017.

"Sekarang ini kami tinggal di rumah satu bilik, satu ruang tamu. Saya dan adik saya tidur di atas tilam ruang tamu. Saya mahu kami tidur di katil. Kalau ada rumah sendiri, kami tak perlu risau tentang bayaran sewa bulan depan," tambahnya.

"Saya sendiri tidak mahu tinggal di rumah sewa terlalu lama. Ia hanya cabaran sementara..."

Sekarang ini kami tinggal di rumah satu bilik, satu ruang tamu. Saya dan adik saya tidur di atas tilam ruang tamu. Saya mahu kami tidur di katil.

Kalau ada rumah sendiri, kami tak perlu risau tentang bayaran sewa bulan depan."

- Encik Muhammad Ihsan Mohd Ashaari.